



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 23 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MAQIS RAMPAS 1,347KG KELUARAN PERTANIAN, LOKAL, HM -21 MAQIS RAMPAS 1,347KG HASIL TANI DARI THAILAND, NASIONAL, BH -22 1.34 TAN PRODUK PERTANIAN IMPORT DIRAMPAS, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -30 MAQIS RAMPAS 3,175KG HERBA PERUBATAN DARI INDONESIA, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	FAMA SUMBANG 300 KIT BAHAN MAKANAN, NASIONAL, SH -12	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	NEKMAT JAMIN BEKALAN HASIL LAUT MENCUKUPI, LOKAL, HM -23 STOK IKAN DIJAMIN CUKUP, NASIONAL, BH -15	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
8.	LUBUK LAMPAM JADI TUMPUAN PENGAIL, K2, KOSMO -22	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
9.	ENGGAN BERPELUK TUBUH, LOKAL, HM -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	21

Maqis rampas 1,347kg keluaran pertanian

Rantau Panjang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 1,347 kilogram (kg) keluaran pertanian bernilai RM9,124 atas kesalahan tidak mempunyai permit import yang sah dan tidak mematuhi syarat import yang ditetapkan.

Pengarah Maqis Negeri Kelantan, Roslan Che At, berkata, rampasan itu membabitkan pelbagai je-

nis sayur-sayuran seperti cili padi, lengkuas, pisang, ubi keledek dan daun limau purut yang dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia.

Katanya, rampasan itu hasil dua jam Operasi Pematuhan Import Pertanian yang dijalankan Maqis di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang di sini, Rabu lalu.

MAQIS rampas 1,347kg hasil tani dari Thailand

Rantau Panjang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kuarantin merampas 1,347 kilogram (kg) keluaran pertanian bernilai RM9,124 kerana tidak mempunyai permit import sah dan tidak mematuhi syarat import ditetapkan pihaknya.

Pengarah MAQIS Kelantan, Roslan Che At, berkata rampasan itu membabitkan pelbagai jenis sayur-sayuran seperti cili padi, lengkuas, pisang, ubi keledak dan daun limau purut yang dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia.

Katanya, rampasan itu hasil dua jam Operasi Pematuhan Import Pertanian yang dijalankan MAQIS di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, di sini, Rabu lalu.

“Turut ditahan, tiga lori membawa dagangan sayur-sayuran dan buah-buahan di atas pelbagai kesalahan,” katanya.

Beliau berkata, satu kesalahan dikesan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) iaitu mengimport ubi keledak dan daun limau purut tanpa permit



Anggota MAQIS memeriksa lori yang membawa hasil pertanian dalam Operasi Pematuhan Import Pertanian di ICQS Rantau Panjang, Rabu lalu. (Foto ihsan MAQIS)

sah dikeluarkan MAQIS.

“Dua kesalahan lain mengikut Seksyen 15(1) membabitkan dagangan cili padi, pisang dan lengkuas yang tidak mematuhi syarat permit import ditetapkan dengan tidak mematuhi pematuhan

Penggedaran, Pembungkusan dan Perlabelan (3P),” katanya.

Roslan berkata, jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Kami pandang serius kesalahan ini kerana walaupun sege-lintir pengimport sudah dikenakan tindakan, masih ada berdegl dan seolah-olah tidak takut dengan tindakan undang-undang dikenakan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	30

1.34 tan produk pertanian import dirampas

RANTAU PANJANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan merampas 1.34 tan produk pertanian import yang tidak mempunyai permit dan gagal mematuhi syarat import.

Rampasan membabitkan cili padi, lengkuas, pisang, ubi keledak dan daun limau purut bernilai berjumlah RM9,124 dilakukan di Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang dalam operasi bermula jam 5 hingga 7 petang itu.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, tiga buah lori yang membawa barangan itu turut diperiksa dan kesemuanya tidak mempunyai permit import yang sah.

“Kes tersebut disiasat di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta

728),” katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kesalahan dilakukan oleh pihak yang masih berdegil walaupun telah dikenakan tindakan undang-undang sebelum ini.

Roslan berkata, Maqis Kelantan sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar peraturan dan tindakan penguatkuasaan di semua pintu masuk negara akan terus diperkasakan dari masa ke masa.

“Ini bagi memastikan jaminan keselamatan makanan terpelihara daripada sebarang penyakit.

“Kita mahu keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh kerajaan,” katanya.



Anggota Maqis membuat pemeriksaan terhadap lori-lori yang membawa masuk barangan dari negara jiran di Kompleks ICQS Rantau Panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	27



Sebanyak 125 guni yang mengandungi herba perubatan dirampas Maqis Pulau Pinang dalam pemeriksaan yang dilakukan pada petang Khamis.

Maqis rampas 3,175kg herba perubatan dari Indonesia

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 125 guni yang mengandungi pelbagai jenis herba perubatan seberat 3,175 kilogram (kg) dari negara Indonesia.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, kesemua barang dagangan berkenaan cuba dibawa masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Dermaga Air Dalam (DAD) di sini pada petang Khamis.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati beberapa jenis herba perubatan yang diimport, antaranya taik angin, cabe jawa, bunga jambu, damar mata kucing dan anyang-anyang.

“Turut dikesan di dalam guci berkenaan adalah herba sari, temu kunci, masofoh dan kembang semangkuk.

“Kesemua herba terbabit dianggarkan bernilai RM61,241.25 dirampas kerana gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan pada syarat permit import yang sah,” katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Jumaat.

Mengulas lanjut, Zarina berkata, cubaan membawa masuk herba tanpa permit import yang sah menjadi satu isu kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, jika sabit kes-

lahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam (6) tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama.

“Maqis mengambil langkah serius dalam isu melibatkan keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak yang boleh mengancam industri pertanian negara.

“Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpeliharai serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan kerajaan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

FAMA sumbang 300 kit bahan makanan



Rosleli menyampalkan kit bahan makanan kepada petugas barisan hadapan di taman-taman dan sekitar bandar Kota Tinggi pada Jumaat.

KOTA TINGGI - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbangkan 300 kit bahan makanan segar bernilai hampir RM10,000 kepada mangsa banjir dan petugas barisan hadapan di daerah berkenaan.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Rosleli Jahari berkata, sumbangan berupa sayur-sayuran dan buah-buahan itu disampaikan dari rumah ke rumah di kawasan terjejas banjir baru-baru ini.

Beliau yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Lama berkata, ia termasuk petugas barisan hadapan Covid-19 bagi menghargai khidmat dan sumbangan mereka.

“Sebanyak 200 kit berisi sayur-sayuran dan buah-buahan seperti kacang panjang, kobis, cili, nangka, nanas serta

pisang diagihkan kepada penduduk yang dilanda banjir besar baru-baru ini.

“Selain mangsa banjir, sebanyak 100 kit serupa turut diagihkan kepada petugas barisan hadapan Covid-19 iaitu anggota polis dan bomba serta petugas Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan di bandar itu pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah FAMA Johor, Shahrizan Sudiman dan Pegawai FAMA Daerah Kota Tinggi, Shafie Ismail.

Rosleli berharap, sumbangan tersebut dapat membantu meringankan beban semua pihak ketika menghadapi tempoh sukar.

“Saya turut berharap mangsa banjir tabah menghadapi dugaan tersebut,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	23

Nekmat jamin bekalan hasil laut mencukupi

Alor Setar: Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) memberi jaminan bekalan ikan dan hasil laut lain mencukupi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di samping sambutan Tahun Baru Cina ini.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari berkata, walaupun pelaksanaan PKP dilakukan di semua negeri kecuali Sarawak, pihaknya akan memastikan stok bekalan ikan mencukupi.

Beliau berkata, ini termasuk bekalan ikan sejuk beku yang disimpan bagi mengelakkan bekalan ikan dan hasil tangkapan laut tidak terputus.

“Seta-

kat ini hasil tangkapan ikan agak berkurangan di seluruh negara dan jika dilihat, saiznya agak kurang matang dan insya-Allah dalam tempoh dua minggu lagi tangkapan mungkin akan meningkat.

“Setakat ini, hasil tangkapan sebanyak 500 tan metrik ikan pelbagai spesies termasuk hasil laut lain disimpan di Kompleks Sejuk Beku Nekmat yang dijadikan tempat pengumpulan dan pengedaran ikan di Taman Wahyu, Kuala Lumpur,” katanya ketika ditemui di pelantar ikan

Kampung Seberang Kota di sini, semalam.

Tangkapan dipercayai akan meningkat dalam tempoh dua minggu lagi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Stok ikan dijamin cukup

Alor Setar: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) memberi jaminan bekalan ikan dan hasil laut lain mencukupi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), di samping sambutan Tahun Baharu Cina ini.

Pengerusinya, Abdul Hamid Bahari, berkata walaupun pelaksanaan PKP dilakukan hampir di semua negeri kecuali Sarawak, namun pihaknya akan memastikan stok bekalan ikan mencukupi.

Beliau berkata, ia termasuk bekalan ikan sejuk beku yang disimpan bagi mengelakkan bekalan ikan dan hasil tangkapan laut tidak terputus.

"Hasil tangkapan ikan agak berkurangan di seluruh negara dan jika dilihat, saiznya agak

kurang matang dan insya-Allah dalam tempoh dua minggu lagi tangkapan mungkin akan meningkat.

"Setakat ini, hasil tangkapan sebanyak 500 tan ikan pelbagai spesies termasuk hasil laut yang lain disimpan di Kompleks Sejuk Beku NEKMAT yang dijadikan tempat pengumpulan dan pengedaran ikan di Taman Wahyu, Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui di pelantar ikan Kampung Seberang Kota, di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata, persatuan itu turut menyimpan ikan rakyat seperti kembung, pelaling, selayang, selar, keli dan talapia, malah bersedia menjual dengan harga murah sekiranya permintaan meningkat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2021	KOSMO	K2	22



TERUSAN Besar Selatan di Kampung Batu 18 1/2, Guar Chempedak menjadi tumpuan para pemancing untuk mendapatkan ikan lampam yang banyak terdapat di situ ketika musim tengkujuh.

Gewang 

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

TERUSAN Besar Selatan di Kampung Batu 18 1/2, Guar Chempedak dalam daerah Yan, Kedah menjadi tumpuan pemancing ikan darat ekoran pertambahan populasi ikan lampam di terusan terbabit setiap kali tiba musim tengkujuh.

Terusan Besar Selatan merupakan terusan di bawah pengurusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang menjadi sumber pengairan kepada tanaman padi di kawasan sekitarnya.

Ia biasanya menjadi tumpuan penggemar ikan darat serta pengusaha ikan pekasam setiap kali tiba musim tengkujuh kerana berlaku kenaikan paras air sungai yang mendorong kepada penghijrahan ikan lampam ke kawasan terbabit.

Seorang pemancing, Che Hasma Yusuf, 60, dari Kampung Betong, Jeneri berkata, dia sanggup memandu sejauh hampir 80 kilometer setiap hari untuk memancing ikan lampam di terusan itu bagi mendapatkan bekalan untuk dibuat pekasam.

Dia yang mengusahakan perniagaan ikan pekasam sejak 10 tahun lalu berkata, tidak kisah memandu jauh kerana di situ terdapat banyak ikan lampam.

"Pemancing anggap kawasan ini sebagai lubuk ikan lampam sejak beberapa tahun lalu kerana populasinya meningkat setiap kali musim tengkujuh.

Lubuk lampam jadi tumpuan pengail



CHE HASMA menunjukkan dua bekas dipenuhi ikan lampam yang berjaya dipancingnya.

"Jadi, tidak hairanlah jika ada pemancing yang sanggup berkampung di sini demi mendapatkan ikan lampam yang banyak," ujarnya.

Katanya, dia akan datang memancing di situ seawal pukul 10 pagi hingga pukul 6 petang.

"Hasil tangkapan tidak menentu dan bergantung kepada rezeki, namun kebiasaannya saya boleh membawa pulang kira-kira 10 hingga 20 kilogram (kg) ikan lampam sehari bergantung kepada rezeki," jelasnya.

Seorang lagi pemancing yang juga

ROHANA menunjukkan ikan lampam bersaiz agak besar yang diperolehnya.

pengusaha ikan pekasam, Rohana Mohd. Isa, 49, dari Sungai Lalang berkata, dia akan datang seawal pukul 9 pagi hingga 5.30 petang untuk memancing di kawasan itu.

Katanya, ini kali pertama dia datang memancing di terusan tersebut dan tidak menyangka akan mendapat hasil tangkapan yang banyak.

"Ini kali pertama saya cuba memancing di sini selepas beberapa orang kenalan memberitahu di sini lubuk ikan lampam," jelasnya.

Katanya, dia memancing menggunakan dedak untuk menarik ikan supaya datang ke arahnya. Dia kemudian menggunakan urapan tepung gandum yang dibancuh sendiri untuk diletakkan pada mata kail.

"Saya akan tabur dedak pada permukaan air untuk menarik ikan supaya datang dekat sambil melepaskan joran.

"Alhamdulillah, rezeki musim tengkujuh, saya sudah memperoleh kira-kira 50kg ikan selepas dua hari memancing di sini.

"Hasil tangkapan ini akan menjadi sumber rezeki saya sebagai pengusaha ikan pekasam," katanya.

ENGGAN BERPELUK TUBUH

Lelaki OKU tanpa tangan usaha ternakan keli selepas pendapatan sebagai tukang jahit merosot

Machang

Meskipun dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan, Rahim Yusoff tidak mahu terus berpeluk tubuh mengenangkan nasib dirinya, malah berusaha mencari rezeki halal bagi menyara keluarganya.

Rahim, 54, yang lebih mesra dikenali sebagai Pok Su Mie berkata beliau beralih angin untuk mengusahakan ternakan ikan keli selepas pendapatannya sebagai tukang jahit merosot susulan penularan wabak Covid-19 di negara ini.

"Sejak penularan wabak Covid-19 pada Mac tahun lalu, pendapatan saya sebagai tukang jahit sangat merosot sehingga untuk mendapatkan sekitar RM100 sebulan hasil menjahit pun amat memerlukan berbanding sebelum ini, saya mampu memperoleh sekitar RM20 sehari.

"Disebabkan itu, saya terpaksa mencari alternatif lain dengan menternak ikan keli bagi menampung isteri No-raidah Hamzah, 46, yang juga orang kurang upaya (OKU) fizikal serta tiga anak berusia antara lapan hingga 17 tahun," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong di sini.

Bercerita lanjut, Pok Su



POK Su Mie (kiri) menjual ikan kepada pelanggannya di Kampung Bukit Pangkal Gong.

Mie berkata idea untuk menternak ikan air tawar berkenaan timbul apabila beliau melihat gelung simen yang terbiar di kawasan sekitar rumahnya.

"Sebanyak 14 gelung simen yang borada di kawasan sekitar rumah saya ini digunakan bagi menahan pasir sebagai benteng, namun ia seakan-akan terbiar begitu sahaja.

"Bagi memanfaatkannya, pada awal September lalu saya membeli sebanyak 300 benih ikan keli berharga 20

sen setiap satu dan 100 benih ikan tilapia berharga 5 sen yang dibeli daripada Jabatan Perikanan Kuala Krai yang menelan modal permulaan sekitar RM300 termasuk kelengkapan untuk menternak ikan," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, usaha penternakan ikan air tawar beliau itu berdepan masalah sehingga menyebabkan ikan-ikan ternakannya mati.

Belajar daripada kegagalan itu, Rahim mengikuti kursus aquaponik yang di-

jalankan Persatuan Pertanian Kelantan (Alami) secara percuma yang disediakan buat golongan OKU untuk mengusahakan penternakan ikan.

"Saya menternak ikan tanpa mengetahui selok-belok penternakan sehingga menyebabkan kira-kira sekitar 250 ikan keli dan ikan tilapia yang dipelihara mati namun ia tidak mematahkan semangat saya.

"Malah, saya juga mendapati penjagaan ikan tilapia agak rumit dan sensitif berbanding ternakan ikan keli memandangkan ia memerlukan air yang sentiasa bersih, jadi bagi mengelak daripada terpaksa menanggung kerugian, saya mengarubil keputusan tidak lagi menternak ikan tilapia," katanya.

Rentetan itu, beliau menyediakan peruntukkan sebanyak RM80 untuk membeli pelet makanan ikan keli untuk stok sehingga tiga bulan bagi 300 ekor ikan yang diternakannya, selain

perlu mencuci air ternakan ikan, setiap dua hari.

Pok Su Mie berkata, selepas melihat potensi ternakan ikan

yang mampu memberi pulangan yang memberangsangkan, beliau menambah sebanyak 700 benih ikan keli pada pertengahan November lalu.

"Hasil ternakan ikan keli peringkat pertama saya mampu menjual hampir 200 ekor ikan keli iaitu sekitar 15 kilogram kepada penduduk sekitar pada harga RM7 sekilogram.

"Melihat kepada pasaran jualan ia sekali gus memberikan semangat kepada saya untuk mengembangkan ternakan ikan keli ini dan saya merancang menternak ikan patin dalam tempoh terdekat," katanya yang turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 dan isterinya RM350.

Seorang pembeli, Zulkifli Abdul Rahman, 52, berkata beliau sering mendapatkan bekalan ikan keli daripada Pok Su Mie untuk dimasak dengan pelbagai menu.

"Saya sering mendapatkan bekalan ikan dari Pok Su Mie untuk membantu beliau sedikit sebanyak dapat menampung keluarganya. Malah, ikan air ternakannya juga kurang bau hanyir berbanding ikan ternakan air tawar yang dibeli di kedai," katanya. - Bernama



Hasil ternakan ikan keli peringkat pertama saya mampu menjual hampir 200 ekor ikan keli iaitu sekitar 15 kilogram kepada penduduk sekitar pada harga RM7 sekilogram"

Pok Su Mie



POK Su Mie menangkap beberapa ekor ikan keli yang dipesan pelanggannya dengan menggunakan penyauk ketika ditemui di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Machang.